

DEQUADIN LOZENGES 0.25MG

Dequalinium chloride (0.25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dequadin Lozenges 0.25mg
2. Bagaimana Dequadin Lozenges 0.25mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg
4. Cara menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg
5. Semasa menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dequadin Lozenges 0.25mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dequadin Lozenges 0.25mg

Dequadin Lozenges 0.25mg digunakan untuk melegakan simptom sakit kerongkong.

Bagaimana Dequadin Lozenges 0.25mg berfungsi

Dequadin Lozenges 0.25mg mengandungi dequalinium chloride sebagai bahan aktif. Dequalinium chloride mempunyai kesan antiseptik dan dapat membunuh pelbagai jenis bakteria dan sesetengah kulat dan virus.

Sebelum menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap:

- dequalinium chloride
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

Sebelum mula menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Dequadin Lozenges 0.25mg boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Dequadin Lozenges 0.25mg.

Cara menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg

Berapa banyak harus digunakan

Hisap satu lozeng perlahan-lahan. Ulang jika perlu.

Bila perlu digunakan

Ambil Dequadin Lozenges 0.25mg bila diperlukan untuk melegakan sakit kerongkong.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil Dequadin Lozenges 0.25mg secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda sebaik sahaja anda teringat. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Dequadin Lozenges 0.25mg, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Dequadin Lozenges 0.25mg

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Dequadin Lozenges 0.25mg.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Dequadin Lozenges 0.25mg.

Perkara tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Dequadin Lozenges 0.25mg untuk merawat sebarang

masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila dapatkan nasihat perubatan jika anda mengalami sakit tekak yang teruk bersama dengan demam tinggi atau sakit kepala, rasa loya dan muntah-muntah.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Apabila diambil dalam dos yang disyorkan, Dequadin Lozenges 0.25mg tidak membawa kesan sampingan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku dalam kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Dequadin Lozenges 0.25mg**

Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30 °C.

Jangan simpan Dequadin Lozenges 0.25mg atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dequadin Lozenges 0.25mg atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Lozeng berwarna merah jambu salmon dengan bau yang menyenangkan, rasa pudina dan diukir dengan kod "DEQUADIN" pada satu permukaan.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap lozeng mengandungi:

- Dequalinium chloride
0.25mg

- Bahan tidak aktif

- Sugar
- Glucose
- Magnesium stearate

- Saccharin sodium
- Peppermint oil
- Lime essence
- Sunset yellow ariavit
- Citric acid
- Gelatin
- Water

Nombor MAL

MAL20066010XC

Pengilang

Interphil Laboratories, Inc.
Canlubang Industrial Estate,
Bo. Pittland, Cabuyao Laguna,
4025 Philippines.

Pemegang Pendaftaran Produk

iNova Pharmaceuticals (Singapore) Pte
Ltd (Incorporated in Singapore)
Malaysia Branch (995059-W)
5F-2, 5th Floor,
Tower 2, @ PFCC,
Jalan Puteri 1/2, Bandar Puteri,
47100 Puchong,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13 / 03/ 2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 20/010